**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

# Kenyataan Media
Press Release

**Untuk Siaran Segera**

**Sekatan Akses: SKMM Sedang Menyiasat Aduan**

**Cyberjaya, 2 Mei 2013 ---** Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sedang menyiasat beberapa aduan yang diterima mengenai sekatan akses yang dikatakan dilakukan oleh Penyedia-penyedia Perkhidmatan Internet (ISP).

Siasatan awal mendapati tiada sekatan dilakukan oleh pihak ISP seperti yang didakwa oleh sesetengah pihak. Namun, kesesakan yang mungkin dialami oleh orang ramai dalam mengakses beberapa laman web yang dikatakan telah disekat mungkin berpunca daripada peningkatan secara mendadak jumlah pelawat ke laman-laman web berkaitan PRU13 sejak beberapa hari yang lalu.

“Setakat ini kami telah menerima hanya satu aduan rasmi pada hari Isnin, 29 April 2013, daripada portal UMNO Online yang mendakwa laman berkenaan sukar diakses oleh pembaca mereka. Namun, kami masih menunggu aduan rasmi daripada Malaysiakini tentang perkara yang sama,” menurut Ketua Komunikasi Strategik SKMM, Sheikh Raffie Abd Rahman.

SKMM memandang berat terhadap tuduhan sekatan akses kerana jika ISP telah melakukan sekatan tidak mengikut lunas undang-undang, mereka boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Komunikasi & Multimedia 1998 kerana melanggar syarat-syarat lesen.

Dalam pada itu, SKMM menasihatkan semua pihak supaya tidak membuat kesimpulan secara terburu-buru sebelum siasatan lengkap dilaksanakan. Terdapat beberapa kemungkinan yang boleh menjejaskan kualiti perkhidmatan seperti masalah laluan penghantaran data (network routing) atau kekangan kapasiti disebabkan peningkatan bilangan mereka yang melayari laman-laman web tersebut. Ada kemungkinan juga sesetengah laman web ini telah mengalami serangan DDOS. Punca berlakunya masalah ini sukar untuk dipastikan tanpa audit rangkaian yang menyeluruh.

Pihak ISP telahpun dinasihatkan oleh SKMM untuk meningkatkan tahap keselamatan rangkaian masing-masing dua minggu lalu sebagai persiapan bagi mengelak sebarang gangguan perkhidmatan.

[Tamat]

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000

W: www.skmm.gov.my

# Kenyataan Media
Press Release

**For Immediate Release**

## Access Restriction: MCMC Investigating Complaints

**Cyberjaya, 2 May 2013 ---** The Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) is investigating several complaints on access restriction purportedly carried out by Internet Service Providers (ISPs).

Preliminary investigations indicate there were no such restrictions by ISPs as alleged by certain quarters. However, congestion faced by the public in accessing the alleged affected sites could be due to a heightened increase in the number of visitors to websites related to GE13 in the past few days.

“So far we have only received one official complaint on Monday, 29 April 2013, from UMNO Online claiming that its readers faced difficulty in accessing the portal. However, we are still waiting for an official complaint from Malaysiakini on the same matter,” according to MCMC Head of Strategic Communications, Sheikh Raffie Abd Rahman.

MCMC views with great concern the allegations of access restriction because if the ISPs were found to have restricted access not in accordance with the law, action can be taken under the Communications and Multimedia Act 1998 for breaching their license conditions.

Meanwhile, MCMC advises the public to not jump to conclusions before a thorough investigation has been completed. There are several possibilities that could affect quality of service, such as issues relating to network routing and capacity constraints due to an increase in the number of people accessing those particular websites. It is also possible that some of these websites experienced DDOS attacks. The root of the problem is difficult to ascertain without conducting a comprehensive network audit.

The ISPs have been advised by MCMC to step up their respective network security levels two weeks ago in order to avoid any service disruption.

[End]

---

**Nota kepada Editor:**
Sekiranya organisasi anda ingin memetik kenyataan daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) untuk sesuatu artikel mahupun bahan berita, petikan tersebut haruslah merujuk kepada SKMM sebagai sebuah organisasi dan bukan mana-mana pegawai SKMM melainkan

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**
Malaysian Communications and Multimedia Commission
Off Persiaran Multimedia
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
T: +603 8688 8000 F: +603 8688 1000
W: www.skmm.gov.my

sekiranya jurucakap rasmi SKMM ada dinyatakan di dalam kenyataan akhbar atau sebarang maklumbalas rasmi kepada media.

**Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)**
SKMM adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 (ASKMM) yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. SKMM mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada SKMM peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

**Notes to Editor:**
If your organisation wishes to include a quote from the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) in an article or news item, kindly attribute the quote to our organisation (MCMC) rather than an officer of the organisation, unless a designated spokesperson from MCMC is specified in the Press Release or reply to the Press.

**About the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC)**
MCMC is a statutory body established under the Malaysian Communications and Multimedia Commission Act 1998 (MCMCA) which implements and promotes the Government's national policy objectives for the communications and multimedia sector. MCMC regulates and promotes the development of the communications and multimedia industry which includes telecommunications, broadcasting, and online activities, postal services and digital certification. The Communication and Multimedia Act provides that MCMC undertakes a policy implementation role, while policy decision-making is vested with the Minister. The Minister may also give policy directions to the Commission.

Untuk maklumat lanjut, layari www.skmm.gov.my dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Sheikh Raffie Abd Rahman
Ketua Komunikasi Strategik

Rahayu Abdul Aziz
Timbalan Pengarah, Komunikasi Strategik

Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: ccd@cmc.gov.my